



PROSES ITHBĀT MAQĀSID AL-SYARĪ'AH SEBAGAI KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM

Azie Zurianie Mat Zaid & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin*
azie.mzm94@gmail.com

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

ABSTRAK

Isu kaedah penyelidikan berteraskan Islam telah mula dibincangkan dalam dunia penyelidikan sejak kebelakangan ini. Permasalahan yang timbul adalah kekurangan terhadap kaedah penyelidikan sosial dalam mengkaji ilmu Islam dan orang Islam iaitu merangkumi alat menganalisis dan epistemologi dalam kaedah penyelidikan sosial. Epistemologi dan alat analisis yang tidak menepati syariat Islam tidak boleh digunakan untuk mengkaji ilmu Islam dan orang Islam. Oleh itu, tujuan artikel ini ditulis bagi membina sebuah kerangka model menggunakan kaedah ithbāt dalam ilmu Maqāsid Al-Syarī'ah untuk diaplikasikan sebagai kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Objektif yang pertama dalam kajian ini adalah mengenal pasti kaedah ithbāt Maqāsid Al-Syarī'ah dalam penentuan hukum Islam. Kedua, menganalisis kaedah ithbāt Maqāsid Al-Syarī'ah sebagai kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Reka bentuk bagi kajian ini adalah kajian berbentuk penerokaan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui dokumentasi. Kaedah penganalisan data yang digunakan pula adalah analisis kandungan dan kaedah perbezaan. Analisis kajian yang pertama adalah taqyīm disesuaikan dengan teknik penentuan objektif kajian. Kedua adalah proses istiqrā' disesuaikan dengan kaedah analisis data secara induktif. Hasil dari kajian ini merumuskan bahawa kaedah ithbāt iaitu istiqrā' dan taqyīm dalam Maqāsid Al-Syarī'ah boleh diaplikasikan sebagai kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Diharapkan implikasi yang diperoleh dari kajian ini membantu orang ramai memahami dengan lebih jelas mengenai konsep sebenar Maqāsid Al-Syarī'ah serta merealisasikan dalam pembinaan kerangka model kaedah penyelidikan berteraskan Islam di masa akan datang.

Kata kunci: Ithbāt, Maqāsid Al-Syarī'ah, Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

1. PENDAHULUAN

Ilmu kaedah penyelidikan bukan suatu yang baru, malah ilmu ini telah lama dikaji sejak 1960-an. Ilmu ini telah menjadi asas dalam penyelesaian masalah dan merungkai isu semasa melalui satu kaedah yang tersusun dan sistematik (Ahmad Mahdzan Ayob, 2005). Dalam pada itu, Islam telah menggariskan panduan terhadap orang Islam dalam membina segala bentuk ilmu dan kaedah baru berteraskan wahyu al- Qur'an dan al-Sunnah.

Selain itu, al-Sunnah juga adalah sumber wahyu sebagai petunjuk kepada kesemua masalah yang sukar ditafsirkan dalam ayat al-Qur'an. Daripada itu, masalah berkaitan fiqh ibadah, muamalat, munakahat dan pelbagai bidang ilmu yang lain dapat difahami dan diselesaikan ulama dengan mudah. Hal ini kerana al-Sunnah adalah wahyu secara tidak langsung yang disampaikan Rasulullah SAW melalui perintah Allah SWT tanpa ada tokoh tambah (Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, 2014).

Berdasarkan kenyataan ini, semua permasalahan dan isu semasa berkaitan dengan Islam dan orang Islam perlu dirujuk kepada sumber wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah. Hal ini termasuklah dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Oleh yang demikian, pemerhatian menggunakan akal sahaja tidak menjamin ketepatan dalam setiap kajian terutama kajian berteraskan Islam dan orang Islam (Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, 2014).

Irfan Ahmad Khan (1994) berpendapat, pengaplikasian wahyu dalam pembinaan kaedah penyelidikan bukan lagi satu perkara yang asing. Namun, kaedah ini memerlukan pembaharuan dari semasa ke semasa untuk disesuaikan dengan gaya penyelidikan masa kini. Hal ini kerana, kewujudan kaedah penyelidikan berteraskan Islam telah wujud bermula zaman kegemilangan Islam lagi (al-Būṭīy, 1990).

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) juga bersetuju bahawa kaedah penyelidikan berteraskan Islam sudah lama wujud dan perkara ini dibuktikan dengan kaedah penyelesaian hukum Islam melalui kaedah *Uṣūl al-Fiqh*. Melalui kaedah ini, setiap permasalahan yang memerlukan hukum, akan dirujuk daripada salah satu kaedah dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Walau bagaimanapun, menurut Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2005), kaedah ini masih belum berjaya diterapkan dalam kaedah penyelidikan akademik berteraskan Islam dari perspektif sosial.

Kenyataan ini sama dengan Louay Safi (1998) dan Nur Sakiinah Ab Aziz (2019) bahawa kaedah dalam ilmu-ilmu Islam yang lain terutama *Uṣūl al-Fiqh* harus diangkat dan digilap dalam bidang penyelidikan akademik. Ini terutama dalam bidang penyelidikan berteraskan Islam. Hal ini adalah bagi menyokong pendapat al-Būṭīy (1990) bahawa orang Islam kini perlu menyusun dan memperkemas kembali ilmu dan

kaedah yang telah dibina ulama terdahulu untuk disesuaikan dengan bidang dan gaya bahasa kini.

Jika dilihat kepada realiti kaedah penyelidikan sosial kini, keperluan dalam mengumpul dan menganalisis data dilakukan dalam pelbagai cara dan bentuk (Sulaiman Masri, 2005). Pelanggaran terhadap syariat demi memenuhi dua keperluan ini adalah perbuatan yang perlu di jauhi. Situasi ini juga disebut sebagai etika yang perlu dipatuhi dalam menjalankan penyelidikan (Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon & Abdul Rahim Hamdan, 2007).

Tambahan pula, dapatan kajian yang tidak bertunjangkan syariat akan memberi implikasi terhadap pembangunan institusi pendidikan, masyarakat, kekeluargaan dan individu (Rahimin Affandi Abdul Rahim & Idris Awang, 2006). Berdasarkan pemerhatian awal, epistemologi *Maqāṣid Al- Syarī'ah* dilihat mempunyai ruang dan keperluan dalam menjelaskan lebih mendalam mengenai kaedah penyelidikan yang mempunyai hala tuju syariat.

2. METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian jenis penerokaan. Menurut McNabb (2010) serta Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2004), kajian penerokaan dijalankan bagi membina satu teori baru melalui penilaian terhadap topik yang ingin dikaji secara teliti. Oleh itu, kajian ini akan membina satu teori baru mengenai aplikasi kaedah *ithbāt Maqāṣid Al-Syarī'ah* sebagai kaedah penyelidikan berteraskan islam.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah dokumentasi. Menurut Yusuf Dalhat (2015), kaedah pengumpulan data perlu disesuaikan dengan tema kajian kerana bakal mempengaruhi dapatan kajian. Kaedha dokumentasi bagi kajian ini merangkumi sumber sekunder seperti kitab-kitab fiqh tradisional dan kontemporari, tesis, artikel, jurnal dan bahan-bahan bercetak lain.

Seterusnya, kaedah analisis data bagi kajian ini adalah analisis kandungan dan kaedah perbezaan (*Method Of Difference*). Kaedah analisis digunakan untuk memahami definisi *ithbāt Maqāṣid Al- Syarī'ah* dan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Setelah itu

kaedah perbezaan digunakan untuk melihat perbezaan diantara *ithbāt* dalam ilmu *Maqāṣid Al-Syarī'ah* dengan kaedah dalam penyelidikan sosial. Seterusnya, kaedah-kaedah *ithbāt Maqāṣid Al-Syarī'ah* akan dipadankan dengan beberapa kaedah dalam penyelidikan sosial mengikut kesesuaiannya.

3. DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Definisi *Maqāṣid Al-Syarī'h*

Al-Raysūni (1995) dan al-Yūbī (1998) sependapat dalam menerangkan maksud *Maqāṣid Al-Syarī'ah* iaitu tujuan, kehendak dan manfaat yang terkandung dalam pensyariatan demi menjaga maslahat manusia. Al-Zuhailī (2001) dan 'Alal al-Fāsī (1966) pula menerangkan maksud *Maqāṣid Al-Syarī'ah* sebagai rahsia di sebalik setiap hukum yang terkandung dalam pensyariatan Islam. Keempat-empat definisi ini menjelaskan maksud di sebalik *Maqāṣid Al-Syarī'ah* adalah tujuan di sebalik setiap pensyariatan yang mengandungi manfaat dan kebaikan kepada manusia.

Nūr al-Dīn Mukhtār (2006) merumuskan *Maqāṣid Al-Syarī'ah* adalah satu ilmu yang membincangkan maslahat, kebaikan dan manfaat yang terkandung dalam setiap pensyariatan hukum Islam. Maslahat ini bukan hanya membatasi hukum fiqh umum, malah meliputi keseluruhan pensyariatan yang melindungi agama, nyawa, akal, harta dan keturunan manusia. Manfaat ini bertujuan menjelaskan pengakuan dalam bentuk perhambaan diri kepada Allah SWT dan demi kebaikan manusia di dunia dan akhirat.

Proses *Ithbāt* Dalam *Maqāṣid Al-Syarī'ah*

Pelbagai metodologi serta kaedah yang digunapakai oleh para ulama silam dan kontemporari dalam mengenalpasti *Maqāṣid Al-Syarī'ah*. Metodologi dalam mengenalpasti *Maqāṣid Al-Syarī'ah* disebalik setiap pensyariatan dipanggil *ithbāt* serta berbeza bagi setiap ulama (Nūr al-Dīn Mukhtār, 2006). Proses *ithbāt* yang telah dikenalpasti adalah *istiqrā'* dan *taqyīm*.

a) Definisi *Taqyīm*

Taqyīm adalah proses menilai sesuatu perkara dengan terperinci dengan melihat ciri-ciri, keadaan dan sebab-sebab yang berlaku sebelum memperoleh sebarang keputusan (al-Syāṭibī, 2006). Perkataan *taqyīm* dalam *Maqāṣid Al-Syarī'ah* sering

kali digabungkan dengan perkataan *Maqāṣid Al-Aṣliyyah* dan *Maqāṣid Al-Tābi'iyah*. Oleh itu, *taqyīm Maqāṣid Al-Aṣliyyah* bermaksud meneliti *maqāṣid* asal di sebalik pensyariatan iaitu tujuan asal sesuatu hukum itu dicipta (Al-Būṭīy, 1990). Manakala *taqyīm Maqāṣid Al-Tābi'iyah* pula adalah satu proses yang hampir sama dengan *taqyīm Maqāṣid Al-Aṣliyyah* namun berbeza dari sudut tujuan di sebalik pensyariatan itu sendiri. Ini bermaksud, *taqyīm Maqāṣid Al-Tābi'iyah* proses menilai tujuan sampingan pensyariatan bagi disesuaikan dan mengukuhkan dengan *Maqāṣid Al-Aṣliyyah*. Proses ini menilai kembali tujuan sampingan bagi sesuatu hukum untuk memperoleh tujuan asal di sebalik sesuatu pensyariatan. Dengan kata lain, *taqyīm* adalah satu proses menggabungkan *Maqāṣid Al-Tābi'iyah* untuk mencapai *Maqāṣid Al-Aṣliyyah*.

b) Definisi Istiqrā'

Al-Juwainī (1980) menyimpulkan bahawa istilah *istiqrā'* menurut ilmu *Maqāṣid Al-Syarī'ah* adalah proses membina kaedah umum berdasarkan dalil-dalil nas khusus yang berbentuk *juz'iyah* dari al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Proses *istiqrā'* dalam ilmu *Maqāṣid Al-Syarī'ah* pula menggunakan kaedah yang lebih mudah iaitu meneliti hukum-hukum *juz'iyah* bagi tujuan mengeluarkan satu konsep umum berbentuk kaedah hukum atau faedah maslahat yang baru. Adapun konsep umum yang berbentuk kaedah hukum, tujuannya di sisi ilmu *Maqāṣid A-Syarī'ah* adalah mensabitkan tujuan dan maslahat di sebalik setiap pensyariatan tersebut (al-Ghazālī, 1983).

Definisi Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

Menurut Fazlur Rehman Faridi (1994) dan Muhammad Syukri Salleh (2008), kaedah penyelidikan berteraskan Islam adalah sebuah kajian saintifik yang dijalankan bagi menyelesaikan sesuatu isu menggunakan sumber Islam. Isu dan topik bagi kajian yang ingin dijalankan tidak hanya terbatas kepada isu mengenai ilmu tradisional Islam sahaja. Bahkan, perbincangan isu yang ingin dikaji diperluaskan kepada bidang-bidang yang lain namun masih mempunyai kaitan dengan konteks Islam. Sumber yang digunakan pula adalah al-Quran, al-Sunnah dan Ijtihad (Mohammad Anwar (1994) dan Fazlur Rehman Faridi (1994).

Muhammad Syukri Salleh (2008) menjelaskan, salah satu perbezaan di antara kaedah penyelidikan sosial dan kaedah penyelidikan berteraskan Islam adalah falsafah dan epistemologinya. Epistemologi Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, mengakui bahawa wujud kuasa yang menyusun atur alam ini iaitu Allah SWT. Epistemologi dalam kaedah penyelidikan sosial pula sebaliknya iaitu menafikan konsep ketuhanan dan kewujudan alam ghaib tanpa pembuktian sehingga perkara itu boleh dibuktikan dengan pancaindera (Shahir Akram Hassan, 2014). Fahaman ini dipanggil postivisme.

a) Pembinaan Soalan Kajian

Pembinaan soalan kajian antara perkara penting dalam sesebuah kajian. Persoalan kajian dibina untuk dijawab pada analisis kajian sekaligus mencapai objektif kajian. *Taqyīm* dalam ilmu *Maqāṣid Al-Syarī'ah* pula bermaksud proses menilai dengan teliti *Maqāṣid Al-Aṣliyyah* (tujuan asal pensyariatan) untuk membina *Maqāṣid Al-Tābi'iyah* (tujuan sampingan pensyariatan). Menurut al-Syāṭibī (2006), proses *taqyīm* dimulakan dengan meneliti kaedah atau maslahat hukum umum yang telah sedia ada dalam Islam. Proses ini dijalankan dengan penuh teliti dan tertib. Proses ini bertujuan membina maslahat yang baru dalam hukum-hukum cabang dan hanya memilih bab hukum yang sama untuk dikaji (Aḥmad al-Raysūnī, 2009). Penetapan terhadap kaedah hukum yang lebih besar (*Maqāṣid Al-Aṣliyyah*) dijadikan rujukan terhadap maslahat hukum kecil yang baru dikaji (*Maqāṣid Al-Tābi'iyah*). Kemudiannya, maslahat-maslahat setiap hukum ini yang disebut *Maqāṣid Al-Tābi'iyah* pula disatukan dengan satu kaedah dan maslahat yang lebih umum disebut *Maqāṣid Al-Aṣliyyah*. Selain itu, pelbagai dalil dari sumber Islam dirujuk terlebih dahulu sebelum kaedah baru dibina dari proses ini bertujuan tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Kajian ini melihat persamaan terhadap proses *taqyīm* dalam ilmu *Maqāṣid Al-Syarī'ah* dengan kaedah pembinaan soalan kajian dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Proses pembinaan soalan kajian dimulakan dengan meneliti objektif-objektif kajian terlebih dahulu. Kemudian, soalan kajian dibina untuk dijawab dalam bahagian analisis kajian. Malah, proses *taqyīm* ini dilihat lebih teliti dan sesuai untuk membina soalan kajian dalam kaedah penyelidikan berteraskan

Islam. Selain itu, proses *taqyīm* ini mempunyai syarat yang ketat supaya soalan dan objektif kajian yang ingin dicapai dalam sesebuah kajian tidak bercanggah dengan sumber al-Quran dan al-Sunnah.

b) Proses Analisis Data

Menurut Kumar (2011), proses analisis data antara proses yang terpenting dalam sesebuah kajian. Tujuan utama analisis data adalah bagi menjawab semua soalan-soalan yang dibina pada awal kajian. Antara salah satu proses analisis data kajian adalah penganalisan secara induktif. Kajian induktif ini dijalankan untuk membina satu teori yang baru. Kajian ini juga dikenali sebagai kualitatif. Kajian induktif ini menggunakan kaedah pemerhatian bagi proses pengumpulan data (Creswell, 2003).

Menurut Nūr al-Dīn Mukhtār (2006), proses *istiqrā'* dalam ilmu *Maqāṣid Al-Syarī'ah* adalah penelitian terhadap masalah dalam hukum-hukum cabang bagi membina sebuah kaedah hukum yang lebih besar. Pembinaan kaedah hukum yang lebih besar ini disyaratkan belum wujud dalam mana-mana bahagian dalam ilmu *Maqāṣid Al-Syarī'ah*. Akhirnya, satu kaedah hukum yang lebih besar ini dipanggil teori baru dan akan dijadikan rujukan pula pada penentuan masalah kecil pada masa akan datang. Menurut al-Ghazālī (2000), proses *istiqrā'* lebih mengambil berat dalam sumber yang digunakan. Sumber yang digunakan perlu selari serta tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah. Proses ini dilihat sama seperti proses analisis data secara induktif malah lebih terperinci dalam mengambil sumber data hukum yang ingin dikaji. Oleh itu, kajian ini melihat kesesuaian aplikasi proses *istiqrā'* dalam kaedah *ithbāt Maqāṣid Al-Syarī'ah* untuk dijadikan sebagai proses analisis data dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

Kaedah Penyelidikan Sosial	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam
Pembinaan Soalan Kajian	<i>Taqyīm</i>
Proses Analisis Data	<i>Istiqrā'</i>

Rajah 1. Analisis proses *ithbāt Maqāṣid Al-Syarī'ah* dari perspektif kaedah penyelidikan sosial

4. KESIMPULAN

Kaedah penyelidikan berteraskan Islam mendapat perhatian para penyelidik sejak kebelakangan ini. Hal ini kerana, dalam beberapa keadaan kaedah penyelidikan sosial dilihat tidak dapat menyelesaikan beberapa isu dan permasalahan besar berkaitan Islam dan orang Islam. Terutama kajian berkaitan isu akidah yang melibatkan soal kewujudan alam ghaib yang wajib diimani oleh setiap orang Islam. Kenyataan ini sama sekali tidak menafikan kehebatan kaedah penyelidikan sosial dalam menyelesaikan isu dan permasalahan yang dikaji oleh para penyelidik terdahulu dan kini. Kajian ini hanya cuba untuk mengetengahkan satu kerangka model baru dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam untuk mengkaji isu berkaitan Islam dan orang Islam supaya bersesuaian dengan epistemologi Islam iaitu bersumberkan al- Quran dan al-Sunnah.

Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengenalpasti beberapa kaedah dalam salah satu bidang ilmu Islam untuk diaplikasikan sebagai kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kaedah tersebut dipanggil proses *ithbāt Maqāṣid Al-Syarī'ah*. Setelah penelitian dan penganalisisan dilakukan, kajian ini melihat kesesuaian dari sudut teori terhadap beberapa proses dalam kaedah penyelidikan sosial dengan proses *ithbāt Maqāṣid Al-Syarī'ah*. Proses *taqyīm* disesuaikan dengan proses pembinaan soalan kajian. Manakala proses *istiqrā'* pula disesuaikan dengan proses analisis data kajian. Justeru, kajian ini melihat kesesuaian dalam aplikasi proses *ithbāt Maqāṣid Al-Syarī'ah* sebagai kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

RUJUKAN

- 'Alal al-Fāsī, (1966). *Maqāṣid Al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā*. Rabat : Maṭābī' al-Risālah.
- Ahmad al-Raysūnī, (1995). *Nazāriyat al-Maqāṣid 'inda al-Imam al-Syāṭibī*. Virginia.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Būṭiy, Muhammad Said. (1990). Azmat al-Ma'rifah wa 'Ilajuh fi Hayatina al-Fikr al-Mu'asirah. Dlm. *al-Manhajiyah al-Islamiyyah wa al-'Ulum al-Sulukiyah wa al-Tarbawiyah*. Jordan: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar (2006). *Ilm al-Maqāṣid al-Syar'iyyah*. Riyadh: Maktabat 'Ubaikan Al-Raysūnī, Ahmad. (2009). *Madkhal Ila Maqāṣid Al-Syarī'at*. Kaherah: Dar alKalimah.
- Al-Syāṭibī, Ishak ibn Musa. (2006). *Al-Muwafaqat*. Kaherah: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Yūbī, Muḥammad Sa'ad ibn Aḥmad, (1998). *Maqāṣid Al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Dār al-

- Hijrah lian-Nasyr wa al-Tauzī'. The International Institute of Islamic Thought.
- Al- Zuhaylī, Wahbah (2001). *Usul al-Fiqh al- Islami*. Beirut. Dar al-Fikr al-Mu'asir
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*, Cet. 1. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azhar Harun & Nawī Abdullah (2004). *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Sains Sosial*. Singapura: Thomson and Learning.
- Creswell, John W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. California: SAGE Publications.
- Fazlur Rehman Faridi (1994). "Islamic Research Methodology: Some Reflection", dalam Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Ghazali, Al-, Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad, (1983), *Al- Mustashfa min 'Ilm Al-Ushul*, Juz I, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Irfan Ahmad Khan. (1994). The Islamic Method. Dlm. Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Juwaini, Al-, Imam Al-Haramain, 1980, *Al- Burhan fi Ushul Al-Fiqh*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Kumar, C. Rajendar, (2011). *Research Methodology*. New Delhi: APH Publishing Corporation.
- Louay Safi. (1998). *Asas-asas ilmu pengetahuan: Satu kajian perbandingan kaedahkaedah penyelidikan Islam dan Barat*. Selangor: The International Institute of Islamic Thought & Thinker's Library Sdn. Bhd
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2005). *Pengajian Usul al-Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan Hukum*. Dlm. Jurnal Syariah, Bil. 12, No. 2. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- McNabb, David E. (2010). *Research Methods for Political Science: Quantitative and Qualitative Approaches*. New York: M. C. Sharpe Inc.
- Mohammad Anwar (1994). "Research Methodology in Islamic Perspective", dalam Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Muhammad Syukri Salleh (2008). *Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju*. Pemikir, Bil. 54, Oktober- Disember. hlm. 133-164. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 8
- Nur Sakiinah Ab Aziz (2018), *Aplikasi Konsep Mutawatir Dalam Ilmu Qiraat Sebagai Kaedah Penentu Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Universiti Sains Malaysia 2018.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim Paizah Ismail Idris Awang. *Pendekatan Baru Maqasid Al-Shariah Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Analisis*. Jurnal Fiqh: No. 3 (2006), Artikel ini merupakan olahan baru daripada kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference: Islamic Jurisprudence and the Challenges of The 21st Century, anjuran UIAM, pada 8 Ogos 2006.
- Shahir Akram Hassan. (2014). *Aplikasi Kaedah Penaakulan Mantik Dalam Penyelidikan Berkaitan Islam*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*, cet. 2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. (2014). *Aplikasi Proses Penfatwaan Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam* (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Yusuf Dalhat, (2015). *Introduction to Research Methodology in Islamic Studies*. Dlm. Journal of Islamic Studies and Culture. Kaduna State: Nigeria.

Journal papers:

- [1] Alias, M., Zaini, H., Lee, S.K. 2007. PM10 and Total Suspended Particulates (TSP) measurements in various power stations. *The Malaysian Journal of Analytical Sciences*, 11, 255-261.

Websites:

- [2] WDNR (Wisconsin Department of Natural Resources). 2006. Total suspended particulates, Wisconsin Dept. of Natural Resources, retrieved at 16 March 2006 at <http://www.dnr.state.wi.us/org/aw/air/health/tspart.htm>

Books and chapters

- [3] Junge, C.E. 1963. *Air Chemistry and Radioactivity*. Academic Press: New York.